

A close-up photograph of a person's face, seen from the side, wearing glasses and reading an open book. The book is resting on a dark, textured surface. A red bookmark is visible at the bottom of the book. The background is softly blurred, focusing attention on the book and the reader.

Mengenal
ALLAH
melalui
FIRMAN-NYA

KEVIN DEYOUNG

Mengenali Allah Melalui Firman-Nya

Penulis : Kevin DeYoung
Penterjemah : Lilian Jose
Penyunting : Randy Singkee
Kulit buku : Chiang Juat Chin

Cetakan Pertama: Julai 2016

Petikan Alkitab diambil dari:
Alkitab Versi Borneo © 2016, LAB Network

*Taking God At His Word: Why the Bible Is Knowable, Necessary and Enough,
and What That Means for You and Me*
Hakcipta © 2014 Kevin DeYoung

Edisi Asli diterbitkan oleh:
Crossway, satu pelayan penerbitan Good News Publishers
Wheaton, Illinois 60187, U.S.A.

Edisi Bahasa Malaysia diterbitkan oleh:
Wawasan Penabur Sdn. Bhd.
P.O.Box: 8327, Kelana Jaya
46787 Petaling Jaya, Selangor
wawasan.penabur@gmail.com

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan. Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah satu organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.

Hak Cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Daftar Isi



Sekapur Sirih	3
Prakata	4
1. Mempercayai, Merasakan, Melakukan	5
2. Sesuatu Yang Lebih Meyakinkan	19
3. Firman Allah Adalah Mencukupi	35
4. Firman Allah Adalah Jelas	49
5. Firman Allah Itu Muktamad	63
6. Firman Allah Itu Perlu	75
7. Kitab Suci Kristus Berkekalan	85
8. Berpegang Kepada Kitab Suci	101
Lampiran Bibilografi	117



Jiwaku mematuhi peraturan-Mu, dan aku sungguh mencintainya.
Mazmur 119:167

Buku ini bermula di tempat yang istimewa: dengan sebuah puisi cinta.

Jangan bimbang, ia bukan daripada saya atau isteri saya. Juga bukan daripada kad, filem, atau balada menarik yang terbaru. Ia bukan sebuah puisi baru atau sebuah puisi pendek. Tetapi yang jelas ia adalah sebuah puisi cinta. Anda mungkin pernah membacanya sebelum ini. Anda mungkin juga pernah menyanyikannya. Ia adalah bab yang terpanjang dalam kitab yang terpanjang daripada separuh koleksi kitab-kitab yang sangat panjang. Daripada 1,189 bab yang terdapat dalam 66 kitab yang ditulis sepanjang dua milenium, Mazmur 119 ialah bab yang terpanjang sekali.¹

¹ Mazmur 119 ialah bab yang terpanjang di dalam Alkitab oleh mana-mana definisi (jika kita berminat untuk melihat bab-bab, yang mana harus kita ingati, ia tidak diilhami dengan pembahagian bab). Agak sukar untuk menentukan kitab mana yang paling panjang. Mazmur ialah kitab yang terpanjang jika anda menghitung bilangan bab atau ayat. Ia juga meliputi muka surat yang paling banyak dalam Alkitab kita. Tetapi oleh kerana bab, ayat dan bilangan muka surat bukan sebahagian daripada manuskrip yang asal, para ilmuwan telah memutuskan cara lain untuk menentukan panjang sesebuah kitab. Bergantung kepada cara-cara pengiraan, kitab Yeremia, Kejadian, dan Yehezkiel mungkin lebih panjang daripada Mazmur.



Dan ia mempunyai sebab yang baik. Mazmur ini adalah dalam bentuk akrostik. Setiap rangkap mempunyai 8 ayat, dan dalam setiap rangkap, 8 ayat itu dimulakan dengan huruf Ibrani yang sama. Jadi, ayat 1-8 kesemuanya bermula dengan *aleph*, ayat 9-16 dengan *beth*, ayat 17-24 dengan *gimel*, dan seterusnya bagi kesemua 22 rangkap dan 176 ayat. Setiap daripadanya menggambarkan sukacita mereka terhadap firman Allah. Dalam 169 ayat ini, pemazmur membuat beberapa rujukan kepada firman Allah. Hukum, kesaksian, perintah-perintah, ketetapan-ketetapan, peraturan-peraturan, janji-janji, firman – perkataan-perkataan ini muncul hampir dalam setiap ayat, dan selalunya lebih dari sekali dalam ayat yang sama. Istilah-istilah ini mempunyai nuansa makna yang berlainan (contohnya, apa yang Allah inginkan, apa yang Allah putuskan, apa yang dituntut oleh Allah, atau apa yang Allah telah firmankan), tetapi semuanya tertumpu kepada satu idea yang besar: wahyu Allah dalam bentuk perkataan.

Sesungguhnya puisi terpanjang dalam Alkitab ini — yang rumit, halus, tersirat, tersurat serta bersifat peribadi ini sangat signifikan. Ia bukan mengenai perkahwinan atau kanak-kanak, makanan atau minuman, pergunungan atau matahari yang terbenam, sungai atau lautan, tetapi mengenai Alkitab itu sendiri.

Keghairahan Penulis Puisi

Saya dapat membayangkan ramai di antara kita yang pernah berjinak-jinak dengan dunia puisi sebelum ini. Mungkin beberapa tahun sebelum anda mempunyai anak, sebelum anda bertunang, atau mungkin baru semester lepas jika anda masih muda. Saya pernah menulis beberapa buah puisi semasa masih muda, tetapi saya tidak akan menunjukkannya kepada anda walaupun kita adalah sahabat baik. Saya tidak berasa malu tentang subjek puisi itu – dituliskan tentang dan untuk pengantin saya yang cantik – tetapi saya berasa ragu bentuknya adalah sesuatu yang boleh dibanggakan. Bagi kebanyakan daripada kita, menulis sebuah puisi cinta adalah seperti membuat biskut daripada tepung gandum – ia seharusnya menjadi suatu benda yang nyata tetapi rasanya tidak begitu baik.

Ada puisi cinta yang menakjubkan, seperti Soneto 116 Shakespear: “Aku tidak akan membiarkan perkahwinan yang sebenar akur kepada apa-apa halangan. Cinta bukan cinta yang boleh diubah begitu sahaja hanya kerana ia mendapat sesuatu yang dapat diubah.” O sungguh indah, bijak dan mengagumkan.

Ada puisi yang tidak seberapa. Seperti sebuah puisi yang saya temui dalam internet ini, yang ditulis oleh seorang lelaki yang cuba menghidupkan kembali kisah romantik zaman remajanya:

Lihat! Seekor lembu yang bersendirian
 Hei! Lembu!
 Jika aku adalah lembu, akulah lembu itu
 Jika cinta adalah lautan, maka aku adalah Titanic.
 Sayang, tanganku terbakar
 Di atas kualiti cinta kita
 Tetapi ia tetap terasa lebih baik
 Daripada gula-gula getah yang mengikat kita bersama
 Yang telah engkau pijak

Kata-katanya gagal menggambarkan sesuatu, bukan? Tidak kira dari segi kritik atau pun puisi itu sendiri. Namun, karya seni yang bertemakan lembu dan gula-gula getah ini lebih baik dan lebih beralogeni daripada sebuah puisi lain yang bertajuk “Dompot Cinta”:

Sayang, engkau membuatkan aku
 Memberus gigiku
 Menyikat rambutku
 Menggunakan deodoran
 Memanggilmu
 Dan engkau sangat membusungkan

Saya rasa puisi ini boleh merakam pengorbanan sebenar wira remaja kita. Tetapi walau apa pun niat yang ingin disampaikan, puisi ini adalah sebuah puisi yang buruk. Jika kita mengimbas kembali kebanyakan puisi yang ditulis semasa kita masih muda dan sedang dilamun cinta, mereka agak janggal sekali. Ini adalah kerana tidak ramai remaja yang mempunyai naluri penyair yang



baik. Kebanyakannya biasa-biasa sahaja. Tetapi sebab lain mengapa puisi cinta kita yang lama agak menyakitkan apabila dibaca adalah kerana kita berasa tidak selesa dengan keghairahan yang melampau-lampau dan pujian yang melebihi-lebih. Pada fikiran kita, “Alamak! Saya kedengaran seperti seorang remaja berusia sembilan belas tahun yang sedang dilamun cinta. Saya tidak percaya dahulu saya seorang yang melebihi-lebih. Jiwang-jiwang betul!” lanya sangat memalukan apabila mengingati diri kita yang lalu, mengenai keghairahan yang tidak bersempadan dan cinta yang tidak tertahan, terutama sekali jika hubungan yang diagung-agungkan itu tidak berhasil atau jika cinta itu berubah menjadi dingin.

Saya tertanya-tanya adakah kita mempunyai perasaan malu yang sama bila kita membaca puisi seperti Mazmur 119? Cuba lihat ayat 129-136 sebagai contoh:

Peraturan-Mu menakjubkan;
 oleh itu jiwaku mematuhiNya.
 Kedatangan firman-Mu membawa cahaya;
 memberi pengertian kepada orang yang tulus.
 Aku membuka mulut dan tercungap-cungap,
 kerana aku merindui perintah-perintah-Mu.
 Pandanglah aku dan kasihanilah aku,
 sebagaimana yang biasa Kaulakukan
 kepada mereka yang mencintai nama-Mu.
 Pandulah langkahku dengan firman-Mu;
 dan jangan biarkan dosa menguasaiku.
 Lepaskan aku daripada penindasan manusia,
 supaya aku mematuhi ajaran-ajaran-Mu.
 Limpahkanlah sinar wajah-Mu ke atas hamba-Mu
 dan ajarlah aku ketetapan-Mu.
 Air mataku mengalir laksana sungai,
 kerana manusia tidak mematuhi hukum-Mu.

Ini adalah puisi yang penuh dengan emosi – kelelahan, kerinduan, linangan air mata. Jika kita jujur, ianya kedengaran seperti sebuah puisi cinta seorang remaja yang menggunakan steroid. Ia bersemangat dan ikhlas, tetapi agak tidak realistik. Terlalu

dramatik untuk kehidupan sebenar. Siapakah yang benar-benar berasa seperti ini terhadap perintah-perintah dan ketetapan-ketetapan?

Berakhir pada Permulaan

Saya dapat memikirkan tiga reaksi yang berbeza terhadap keghairahan yang panjang dan berulang-ulang untuk firman Allah di Mazmur 119.

Reaksi yang pertama ialah, “Iyalah tu.” Ini adalah sikap mereka yang mencurigai, mencemuh dan sinis. Anda berkata kepada diri anda sendiri bahawa, “Eloklah kerana orang pada zaman dahulu mempunyai rasa hormat yang seperti itu terhadap hukum-hukum Allah dan firman-Nya, tetapi kita tidak boleh menganggap perkara ini terlalu serius. Kita tahu bahawa manusia selalu menggunakan firman Allah untuk kepentingan mereka sendiri. Kita tahu bahawa setiap kata-kata ‘ilahi’ telah bercampur dengan pemikiran, penyusunan dan pentafsiran manusia. Alkitab yang kita miliki mengandungi bahagian yang diinspirasikan. Tetapi ia juga bersifat kuno, kadang-kadang tidak dapat difahami dan sejujurnya ada banyak bahagian yang tidak betul.”

Reaksi yang kedua ialah “O, OK.” Anda tidak mempunyai masalah yang tertentu dalam menghormati firman Allah atau mempercayai Alkitab. Di atas kertas, anda memandang tinggi terhadap ayat-ayat Alkitab. Tetapi dalam amalan, anda merasakan bahawa ianya membosankan dan tidak relevan. Anda berkata dalam hati, “Mazmur 119 terlalu panjang. Ia membosankan. Hari ini adalah hari yang paling teruk dalam rancangan pembacaan Alkitab saya. Ia menyebut perkara yang sama berulang-ulang kali. Saya lebih menyukai Mazmur 23.”

Jika reaksi pertama ialah “Iyalah tu” dan reaksi yang kedua ialah “O, OK”, kemungkinan reaksi yang ketiga ialah “Ya! Ya! Ya!” Inilah yang akan anda katakan apabila setiap perkara yang tertulis dalam Mazmur 119 diterima benar dalam fikiran anda dan terkesan dalam hati anda, apabila pemazmur berjaya menangkap



keinginan, perasaan dan tindakan anda (atau sekurang-kurangnya apa yang anda mahu terjadi pada mereka). Di sinilah anda akan berkata dalam hati, “Saya suka mazmur ini kerana ia menyuarakan lagu yang bermain dalam jiwa saya.”

Tujuan buku ini adalah untuk menjadikan kita menerima dengan jujur, konsisten dan sepenuhnya respons yang ketiga ini. Saya menginginkan supaya semua perkara yang tertulis dalam Mazmur 119 ini menjadi luahan dari apa yang ada di dalam fikiran dan hati kita. Untuk itu, saya memulakan buku ini dengan sebuah kesimpulan. Mazmur 119 ialah tujuannya. Saya mahu meyakinkan anda (dan memastikan bahawa saya telah meyakinkan diri saya sendiri) bahawa Alkitab tidak terdapat apa-apa kesalahan, dapat difahami, tidak dapat diterbalikkan, dan merupakan perkataan yang paling penting dalam kehidupan anda. Ia adalah perkara yang paling relevan yang anda boleh baca pada setiap hari. Hanya apabila kita telah meyakini hal ini, barulah kita dapat berkata “Ya! Ya! Ya!” setiap kali kita membaca bab yang terpanjang dalam Alkitab ini.

Fikirkan bab ini sebagai aplikasi dan tujuh bab selepas itu sebagai bahagian-bahagian yang penting supaya kesimpulan Mazmur 119 dapat terjamin. Atau jika saya boleh menggunakan sebuah metafora yang mudah untuk diingati, anggaplah bab 2 sehingga 8 adalah tujuh rencah yang berbeza yang dituang ke dalam periuk besar yang sedang menggelegak dan bab ini adalah hasil daripadanya. Mazmur 119 mengajarkan kepada kita apa yang kita perlu yakini, rasai dan lakukan tentang firman Allah. Itulah aplikasinya. Itulah reaksi kimia yang dihasilkan dalam umat Allah apabila kita mencurahkan ke dalam fikiran dan hati kita kecukupan, kesahihan dan kejelasan Kitab Suci, serta apa sahaja yang akan kita temukan dalam tujuh bab yang seterusnya. Mazmur 119 adalah cetusan pujian yang mungkin dihasilkan oleh doktrin Kitab Suci ortodok dan evangelikal. Apabila kita menerima segala yang tertulis dalam Alkitab, barulah kita akan percaya apa yang harus dipercayai tentang firman Allah, merasakan apa yang sepatutnya kita rasakan, dan melaksanakan firman Allah seperti yang seharusnya kita laksanakan.

Apa Yang Harus Saya Percaya Mengenai Firman Allah?

Dalam Mazmur 119, kita dapat melihat sekurang-kurangnya tiga ciri-ciri penting yang tidak dapat diubah tentang apa yang harus kita percaya mengenai firman Allah.

Pertama, firman Allah menyatakan apa yang benar. Seperti pemazmur, kita boleh percaya kepada firman-Nya (ay. 42), dan percaya bahawa ianya sama sekali benar (ay. 142). Kita tidak boleh mempercayai setiap perkara yang kita baca dari internet. Kita tidak boleh mempercayai semua yang kita dengar dari professor kita. Dan tentu sekali kita tidak boleh mempercayai semua fakta yang diberikan oleh ahli politik kita. Bahkan kita juga tidak boleh mempercayai penyemak-fakta yang menyemak fakta-fakta itu! Statistik boleh dimanipulasikan. Gambar-gambar boleh dipalsukan. Kulit majalah boleh dikaburkan. Guru-guru kita, sahabat-sahabat kita, sains, pendidikan, bahkan mata kita sendiri mampu membohongi kita. Tetapi firman Allah itu benar dan akan sentiasa benar:

- Firman Allah kekal bertapak di syurga (ay. 89); ia tidak akan berubah.
- Tidak ada had untuk kesempurnaan (ay. 96); ia tidak ada cacat cela.
- Semua ketetapan-Nya kekal selama-lamanya (ay. 160); ia tidak akan dimamah usia dan tidak akan lapuk

Jika anda pernah berfikir, “Saya harus tahu apa yang benar – apa yang benar tentang saya, benar tentang orang lain, benar tentang dunia, benar tentang masa depan, benar tentang masa lalu, benar tentang kehidupan yang sempurna, dan benar tentang Allah,” maka carilah firman Allah. Ia hanya mengajar apa yang benar: “Sucikanlah mereka dengan kebenaran-Mu,” Yesus berkata, “firman-Mu adalah kebenaran” (Yohanes 17:17).

Kedua, firman Allah mengarahkan apa yang benar. Pemazmur dengan sukacitanya mengakui hak Allah untuk mengeluarkan perintah dan dengan rendah diri menerima bahawa kesemua perintah itu adalah benar. “Aku tahu, ya Tuhan, bahawa hukum-hukum-Mu benar,” katanya (Mzm 119:75). Semua perintah Allah



adalah benar (ay. 86). Semua ajaran-Nya adalah benar (ay. 128). Saya pernah mendengar orang Kristian mengakui bahwa mereka tidak suka apa yang dikatakan Alkitab, tetapi oleh kerana ia adalah Alkitab, mereka perlu mematuhi perintah itu. Pada satu sisi, ini adalah contoh terpuji untuk seseorang yang menyerahkan diri mereka dalam bimbingan firman Allah. Namun begitu, kita harus mengorak selangkah ke hadapan dan belajar untuk melihat kebaikan dan kebenaran dalam semua perintah Allah. Kita harus menyukai apa yang berkenan kepada Allah dan bersukacita terhadap apa sahaja yang dikatakan-Nya. Allah tidak menetapkan peraturan-peraturan sewenang-wenangnya. Dia tidak memberi perintah supaya hidup kita menjadi terbatas dan sengsara. Dia tidak pernah meminta apa yang tidak suci, tidak pengasih, atau tidak bijak. Apa yang diinginkan-Nya adalah sentiasa mulia, adil dan benar.

Ketiga, firman Allah memberikan apa yang baik. Menurut Mazmur 119, hukum Allah adalah jalan yang membawa kepada kebahagiaan (ay. 1-2), jalan untuk mengelakkan rasa malu (ay. 6), jalan keselamatan (ay. 9), dan jalan untuk mendapatkan nasihat yang baik (ay. 24). Firman Allah juga memberikan kita kekuatan (ay. 28) dan harapan (ay. 43). Ia menyediakan hikmat (ay. 98-100, 130) dan menunjukkan kita jalan yang harus kita tuju (ay. 105). Wahyu Allah dalam bentuk perkataan, sama ada diceritakan dalam bentuk sejarah penyelamatan atau melalui dokumen perjanjian tentang sejarah penyelamatan (iaitu Alkitab), adalah sangat sempurna. Sebagai umat Allah, kita percaya bahawa firman Allah boleh dipercayai dalam setiap cara untuk menyatakan apa yang benar, mengarahkan apa yang benar, dan memberikan apa yang baik untuk kita.

Apakah yang Harus Saya Rasakan Mengenai Firman Allah?

Sering kali orang Kristian hanya merenung apa yang mereka harus percaya mengenai firman Allah. Tetapi Mazmur 119 tidak membenarkan kita berhenti di situ. Puisi cinta itu memaksa kita untuk mempertimbangkan apa yang sebenarnya kita rasakan tentang firman Allah. Kita melihat bahawa pemazmur mempunyai

tiga asas rasa cinta terhadap firman Allah.

Pertama, dia bersukacita di dalamnya. Kesaksian-kesaksian, perintah-perintah, hukum-hukum – semua itu adalah sukacitanya (ay. 14, 24, 47, 70, 77, 143, 174). Pemazmur tidak dapat menidakkannya sebaliknya menyebutkan firman Allah dalam bahasa emosi yang terdalam. Kata-kata Tuhan lebih manis daripada madu (ay. 103), yang adalah warisan selama-lamanya (ay. 111), dan sangat menakjubkan (ay. 129). “Jiwaku mematuhi peraturan-Mu,” tulis pemazmur itu, “dan aku sungguh mencintainya” (ay. 167).

Tetapi ada orang yang berkata, “Saya tidak akan mencintai firman Allah seperti ini. Saya bukan seorang yang intelektual. Saya tidak mendengar khotbah sepanjang hari. Saya tidak membaca sepanjang hari. Saya bukan orang yang gemar dengan kata-kata.” Pada umumnya, hal ini mungkin benar, tetapi saya percaya pasti ada masa di mana anda tertarik kepada kata-kata pada muka surat yang tertentu. Kita semua memberi perhatian apabila perkataan yang kita dengar atau baca memberi manfaat yang besar kepada kita, seperti sepucuk surat wasiat atau surat penerimaan. Kita dapat membaca dengan teliti jika teks di hadapan kita itu adalah tentang amaran mengenai sesuatu yang berbahaya, seperti arahan tentang sebuah peralatan elektrik. Kita gemar membaca cerita tentang kita atau tentang orang yang kita cintai. Kita juga suka membaca tentang kehebatan, kecantikan dan kekuasaan.

Sedarkah anda bahawa saya baru sahaja menggambarkan tentang Alkitab? Ia adalah sebuah buku yang mempunyai banyak manfaat kepada kita, dan juga memberikan kita amaran. Ia adalah sebuah buku tentang kita dan orang yang kita cintai. Dan yang paling penting, ia adalah sebuah buku yang membawa kita untuk bersemuka dengan Dia yang memiliki semua kehebatan, kecantikan dan kekuasaan. Memang benar, kadang-kala Alkitab agak membosankan, tetapi secara keseluruhannya ia adalah sebuah cerita terhebat yang pernah diceritakan, dan orang yang paling banyak tahu mengenainya selalunya adalah orang yang paling bersukacita di dalamnya.



Berulang kali, pemazmur mengakui cintanya yang besar terhadap semua perintah dan kesaksian Allah (ay. 48, 97, 119, 127, 140). Berlawanan dengan kasih itu adalah perasaan marah yang dirasainya apabila firman Allah tidak ditaati. Rasa marah yang dahsyat melandanya kerana orang zalim yang meninggalkan hukum Allah (ay. 53). Kemarahan membara dalam dirinya kerana musuhnya telah melupakan firman Allah (ay. 139). Dia meluat melihat ketidaksetiaan dan ketidaktaatan pengkhianat-pengkhianat itu (ay. 158). Kata-kata itu mungkin kedengaran agak kasar kepada kita, tetapi itulah petanda bagaimana kita tidak menghargai firman Allah. Bagaimanakah perasaan anda apabila seseorang tidak dapat melihat kecantikan yang anda lihat pada pasangan anda? Atau apabila orang lain tidak melihat keistimewaan yang ada pada anak anda? Kita semua berhak untuk berasa marah jika seseorang memandang rendah terhadap sesuatu yang kita anggap sangat berharga. Perasaan gembira yang melampau terhadap seseorang atau sesuatu akan secara semula jadi berubah menjadi perasaan benci yang mendalam kepada orang lain yang tidak menghargai apa yang kita hargai. Tiada seorang pun yang benar-benar menghargai firman Allah yang akan menyenangi hal ini.

Kedua, dia menginginkannya. Sekurang-kurangnya ada enam kali di mana pemazmur menyatakan kerinduannya untuk mentaati perintah Allah (ay. 5, 10, 17, 20, 40, 131). Sekurang-kurangnya ada empat belas kali di mana pemazmur meluahkan keinginannya untuk mengetahui dan memahami firman Allah (ay. 18, 19, 27, 29, 33, 34, 35, 64, 66, 73, 124, 125, 135 & 169). Memang benar bagi kita semua: hidup kita ditentukan oleh keinginan kita. Hal itulah yang membuat kita bangun pada setiap pagi. Keinginan adalah apa yang kita impikan, apa yang kita doakan, dan apa yang kita fikirkan apabila kita mempunyai masa untuk memikirkan tentang sesuatu. Kebanyakan daripada kita mempunyai keinginan kuat yang berkaitan dengan perkahwinan, anak-cucu, pekerjaan, kenaikan pangkat, rumah, percutian, membalas dendam, pengiktirafan dan sebagainya. Ada keinginan yang baik, dan ada yang tidak baik. Tetapi cuba pertimbangkan ini: dalam semua kerinduan dan keinginan anda itu, sekuat manakah keinginan anda untuk mengetahui dan memahami serta mentaati firman Allah?

Pemazmur sangat menginginkan firman Allah sehingga dia menganggap penderitaan itu sebagai satu berkat dalam hidupnya jika itu membantunya untuk lebih mentaati perintah Allah (ay. 67-68, 71).

Ketiga, dia bersandarkan kepadanya. Pemazmur sentiasa menyedari keperluan firman Allah dalam hidupnya. “Aku berpegang teguh pada peraturan-Mu, ya TUHAN, jangan malukan aku.” (ay. 31). Dia merindukan galakan yang dapat ditemukan dalam janji dan peraturan Allah (ay. 50, 52). Terdapat banyak perkara yang kita ingini dalam hidup, tetapi ada beberapa perkara yang kita benar-benar perlukan. Firman Allah adalah salah satu daripadanya. Pada zaman Amos, hukuman yang paling dahsyat yang pernah dijatuhkan kepada umat Allah ialah “kebuluran...untuk mendengar firman TUHAN” (Amos 8:11). Tidak ada malapetaka yang setanding dengan bila Allah sepi tidak bersuara. Kita tidak dapat mengetahui apa yang benar, mengenali diri kita, mengetahui jalan Allah atau mengenali Allah kecuali jika Allah berbicara kepada kita. Setiap orang Kristian yang sejati harus merasakan kebergantungan yang besar kepada Kitab Suci, di mana Allah telah menyatakan diri-Nya. Manusia tidak dapat hidup dengan roti sahaja, tetapi dengan setiap firman yang keluar dari mulut Allah (Ulangan 8:3; Matius 4:4).

Apa yang kita percaya dan rasakan tentang firman Allah adalah sangat penting, kerana ianya mencerminkan apa yang kita percaya dan rasakan tentang Yesus. Seperti yang akan kita lihat, Yesus percaya tanpa ragu-ragu semua yang tertulis dalam Kitab Suci. Jika kita ingin menjadi murid-Nya, kita juga harus percaya seperti-Nya. Perjanjian Baru mengajar bahawa Yesus adalah Firman yang telah menjadi manusia, yang bermaksud (selain perkara-perkara yang lain) segala perwatakan dalam wahyu Allah melalui kata-kata (kebenaran, kekuasaan, kebijaksanaan, pengetahuan) dapat ditemukan dalam peribadi Kristus. Semua yang pemazmur percaya dan rasakan terhadap firman Allah adalah apa yang harus kita percaya dan rasakan tentang Firman Allah yang menjelma menjadi manusia. Hasrat, kenikmatan dan pergantungan kita kepada firman Allah seharusnya bertumbuh seiring dengan keinginan, kenikmatan dan pergantungan kita



kepada Yesus Kristus. Kedua-dua perkara ini harus sentiasa bertumbuh bersama. Orang Kristian yang matang akan tersentuh apabila mendengar puisi cinta yang berkata tentang Firman yang telah menjadi manusia *dan* juga puisi cinta yang meraikan firman Allah.

Apakah yang Harus Saya Lakukan dengan Firman Allah?

Tujuan buku ini adalah supaya kita mempercayai apa yang kita harus percaya tentang Alkitab, merasakan apa yang kita harus rasakan tentang Alkitab, *dan* supaya kita melakukan apa yang seharusnya kita lakukan dengan Alkitab. Memandangkan kita telah melihat iman pemazmur melalui penulisannya dan semangatnya terhadap firman Allah, tidak hairanlah jika Mazmur 119 dipenuhi dengan kata kerja yang menggambarkan bisikan Roh dalam penggunaan perkataan-perkataan yang berikut:

- Kita menyanyikan firman (ay. 172)
- Bercakap tentang firman (ay. 13, 46, 79)
- Mengkaji firman (ay. 15, 48, 97, 148)
- Menyimpan dalam hati firman (ay. 11, 93, 141)
- Mentaati firman (ay. 8, 44, 57, 129, 145, 146, 167, 168)
- Memuji Allah untuk firman itu (ay. 7, 62, 164, 171)
- Dan berdoa supaya Allah bertindak menurut janji-Nya (ay. 58, 121-123, 147, 149-152, 153-160)

Tindakan-tindakan ini tidak dapat menggantikan iman dan kasih yang sebenarnya, tetapi mereka adalah petunjuk yang terbaik terhadap apa yang kita benar-benar percayai dan rasakan mengenai firman Allah. Menyanyi, bercakap, mengkaji, menyimpan, mentaati, memuji dan berdoa – inilah caranya bagaimana umat Allah harus mengendalikan Kitab Suci. Sekarang jangan berasa panik jika anda merasakan bahawa anda telah gagal dalam mempercayai, merasakan dan melakukannya. Ingatlah, Mazmur 119 ialah sebuah puisi cinta, bukan sebuah senarai semak. Sebab mengapa kita bermula dari Mazmur 119 adalah kerana di sinilah kita ingin berakhir. Inilah reaksi spiritual yang Roh Kudus harus hasilkan dalam diri kita apabila kita benar-

benar memahami apa yang diajarkan oleh Alkitab mengenainya. Harapan dan doa saya adalah supaya buku ini dapat membantu anda untuk mengatakan “Ya!” dengan apa yang dipercayai oleh pemazmur, “Ya!” dengan apa yang dirasakannya, dan “Ya!” dengan semua yang dilakukannya dengan firman Allah yang kudus dan sangat berharga itu.

Beberapa Penjelasan Terakhir

Sebelum menyelami bahagian-bahagian yang seterusnya dalam buku ini, ianya mungkin dapat membantu sekiranya anda mengetahui jenis buku apakah yang sedang anda baca ini. Walaupun saya berharap buku ini akan memotivasikan anda untuk membaca Alkitab, namun buku ini bukanlah mengenai pembelajaran Alkitab atau prinsip pentafsirannya. Saya juga tidak mencuba untuk mempertahankan Kitab Suci, walaupun saya berharap anda akan lebih mempercayai Alkitab setelah membaca kelapan-lapan bab dalam buku ini. Buku ini bukan sebuah buku yang lengkap, yang meliputi semua falsafah, teologi dan metodologi yang dapat anda lihat dalam sebuah buku teks berjilid-jilid yang tebal. Ia juga bukan sebuah buku pelajaran yang mengandungi banyak nota kaki. Ini bukanlah sebuah buku di mana saya memberikan nama-nama dan petikan “bab dan ayat” yang mempunyai kesilapan. Dan ia bukanlah sebuah hasil baru yang eksegitikal, alkitabiah, bersejarah, atau teologi yang sistematik.

“Jadi buku apakah ini?” Mungkin anda tertanya-tanya bagaimana anda memilih buku yang anda tidak ketahui akan menceritakan tentang apa.

Buku ini adalah sebuah buku yang menyelongkar apa yang Alkitab katakan tentang Alkitab. Tujuan saya adalah untuk sesuatu yang mudah, tidak berserabut, tidak rumit dan nyata secara alkitabiah. Saya tidak membuat dakwaan tentang menawarkan kepada anda selain daripada doktrin Alkitab yang diperoleh daripada Alkitab itu sendiri. Saya tahu ini akan menimbulkan persoalan tentang kanon (bagaimana anda tahu jika anda mempunyai Kitab Suci yang benar?) dan persoalan mengenai alasan yang berkaitan (bagaimana anda boleh rujukkan Kitab



Suci untuk menentukan kewibawaan Kitab Suci?). Ini adalah soalan-soalan yang munasabah, tetapi ia tidak boleh mengikat kita. Kedua-dua soalan ini mempunyai kaitan dengan prinsip yang pertama. Alasan yang tidak masuk akal tidak dapat dielakkan setiap kali kita cuba mempertahankan prinsip-prinsip pertama kita. Anda tidak dapat mewujudkan kuasa tertinggi yang anda percayai dengan membandingkannya dengan kuasa yang lebih rendah daripada itu. Ya, logiknya masuk akal, tetapi tidak seperti hal-hal sekular yang mempertahankan alasan dengan alasan yang lain, atau para saintis mempertahankan satu fakta sains berdasarkan sains. Ini tidak bermakna orang Kristian boleh menjadi tidak rasional dan tidak munasabah dalam pandangan mereka, tetapi ia bermaksud prinsip pertama kita bukanlah mengenai kerasionalan mahupun alasan. Kita merujuk kepada Alkitab untuk mempelajari Alkitab kerana untuk menilai Alkitab berdasarkan penilaian yang lain akan merendahkan Alkitab daripada apa yang didakwanya. Seperti yang ditulis oleh J. I. Packer lebih daripada lima puluh tahun yang lalu semasa dia menghadapi cabaran yang sama, "Kitab Suci itu sendiri mampu untuk menghakimi doktrin Kitab Suci kita."²

Terdapat banyak buku yang baik. Ada yang mudah difahami, dan ada yang sangat teknikal, yang dengan teliti menjelaskan dan mempertahankan kanon Kitab Suci serta kebolehpercayaan Kitab Suci. Saya telah menyenaraikan beberapa daripadanya di bahagian lampiran. Jika anda mempunyai keraguan tentang bagaimana buku-buku Alkitab dibuktikan sebagai satu pengesahan, atau keraguan tentang ketepatan sejarah Alkitab, atau kesangsian tentang manuskrip alkitabiah purba, anda boleh mengkajinya sendiri dengan cara apa pun. Dakwaan-dakwaan Kristian ortodoks tidak mempunyai apa-apa alasan untuk mengelak daripada bukti-bukti kukuh dan tidak perlu berasa takut terhadap pemeriksaan fakta-fakta yang terperinci.

Tetapi keyakinan saya, yang lahir dari pengalaman dan berasal daripada pengajaran Kitab Suci itu sendiri ialah bahawa cara

² J. I. Packer, "Fundamentalism" and the Word of God (Grand Rapids, MI: Eerdmans, 1958), 76.

yang paling efektif untuk mengukuhkan keyakinan kita terhadap Alkitab ialah dengan meluangkan masa untuk membaca Alkitab. Roh Kudus komited dalam bekerja melalui firman Allah. Allah berjanji untuk memberkati pembacaan dan pengajaran firman-Nya. Domba-domba mendengarkan suara Tuan mereka (rujuk Yohanes 10:27). Dalam erti kata lain, firman Allah lebih daripada cukup untuk menyempurnakan pekerjaan Allah terhadap umat-Nya. Tiada jalan yang lebih baik untuk memahami dan menghayati doktrin alkitabiah Kitab Suci selain daripada membuka dan membacanya.

Jika anda telah membaca sejauh ini, anda mungkin mempunyai minat untuk mengenali Alkitab dengan lebih baik. Anda mungkin mempunyai latar belakang dalam Alkitab atau telah diperkenalkan oleh seseorang untuk membaca buku ini. Anda mungkin datang dengan perasaan ragu-ragu atau penuh dengan iman, dengan kejahilan yang harus diperbetulkan atau dengan pengetahuan yang tidak sabar-sabar untuk diasah. Walau apa pun latar belakang anda, saya percaya bahawa sekarang anda telah mengetahui apakah jenis buku ini, maka lebih baik anda bersedia untuk memperoleh manfaat daripadanya. Dan jika anda memperoleh manfaat daripada buku ini, itu bukan kerana saya telah melakukan sesuatu yang mengagumkan, tetapi kerana apabila kita membaca buku yang paling hebat di dunia ini, iaitu Alkitab, hidup kita akan berubah.

Semoga Allah memberikan kita telinga, kerana kita semua perlu mendengar firman Allah lebih daripada Allah memerlukan mana-mana kita untuk mempertahankannya.

